

## Relevansi Sabar dalam Pembangunan Moral Komuniti Kejiranan Menurut Pendekatan Nabawi

The Relevance of Patience in Moral Development of the Neighborhood Community According to the Nabawi Approach

ABU DZAR AHMAD<sup>1</sup>, AHMAD HAIQAL FITRI AHMAD FUAD<sup>1</sup>, MOHAMMAD HAAFIZ AMINUDDIN MOHD AZMI<sup>1,\*</sup>, MUHAMAD RAZIF AHMAD<sup>1</sup> & MOHD ARIF NAZRI<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), KM8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000, Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding Author; email: haafiz@unipsas.edu.my

Received: 23 August 2022 /Accepted: 29 November 2022

### ABSTRAK

*Sabar merupakan satu sifat yang dipuji agama kerana meneladani sifat-sifat keunggulan nabawi. Namun, persekitaran komuniti mencalarkan ketenteraman masyarakat yang gagal mengawal emosi marah sehingga mengakibatkan ketirisan moral dalam komuniti kejiranan. Kes-kes yang berlaku pertengkaran akibat marah melibatkan pelbagai peringkat diterjemahkan melalui perilaku komuniti amat membimbangkan. Sehubungan itu, pendekatan sifat sabar wajar dicontohi berdasarkan pengamalan yang dianjurkan Nabi SAW. Implementasi sifat sabar mencerminkan etika akhlak masyarakat muslim. Artikel ini menggunakan sorotan literatur melalui beberapa sumber primer dan sekunder. Artikel ini juga menggunakan kaedah deduktif dan tematik. Hasil kajian mendapati sifat sabar merupakan sebahagian nilai pembangunan moral insan. Komponen sifat sabar perlu dipraktikkan dalam urusan yang melibatkan legasi hidup bersosial dalam komuniti gaya hidup berjiran. Justeru, elemen-elemen seperti penjagaan lidah dalam komuniti berjiran, tuntutan memuliakan jiran, memelihara keharmonian jiran dan menghindari jiran yang buruk moralnya perlu disadurkan dengan sifat sabar. Oleh itu, relevansi sifat sabar seharusnya dipupuk dari usia kecil. Bahkan disemai dalam interaksi sosial berorientasikan pendekatan nabawi bagi mewujudkan keharmonian warga komuniti kejiranan khususnya dalam meneruskan kehidupan yang kian mencabar.*

*Kata kunci:* Sabar; pembangunan moral; pendekatan nabawi; komuniti kejiranan

### ABSTRACT

*Patience is a trait that is praised by religion because it is one of the great virtues of prophethood. However, the community environment destroys the order of the community that fails to control angry emotions resulting in immoral in the neighborhood community. There are many cases of arguments due to anger involving behavior of communities that are very worrying. Therefore, the patient approach should be emulated based on the practice shown by the Prophet PBUH. The implementation of patience reflects the moral ethics of Muslim society. This article uses literature review through several primary and secondary sources. This article also uses deductive and thematic methods. The results of the study found that patience is part of the value of human moral development. The component of patience needs to be practiced in dealings involving the legacy of social life in the neighboring lifestyle community. Therefore, elements such as language reservation in the neighboring community encourage honoring neighbors, maintaining neighborly harmony, and avoiding bad neighbors need to be tempered with patience. Therefore, the relevance of patience should*

*be nurtured from a young age. In addition, it should be applied in social interaction oriented to a prophetic approach to create harmony among community members, especially neighbors in continuing struggle of challenging life.*

*Keywords:* Patience; moral development; prophetic approach; neighborhood community

## PENDAHULUAN

Sabar menurut Islam merupakan salah satu dari sifat mahmudah yang perlu dipupuk dalam diri setiap umat baginda Nabi Muhammad SAW. Sifat sabar juga melambangkan perlakuan asas dalam membentuk akhlak rabbani seorang yang bergelar muslim (Mohd Yusuf Ismail & Syed Najihuddin Syed Hassan 2011). Kesabaran merupakan salah satu kunci keharmonian kehidupan manusia apabila seseorang itu berada dalam beberapa keadaan situasi di samping menempuh sesuatu perkara yang sukar dan penuh rintangan (Rusydi Room 2013). Justeru, amalan yang paling besar ialah memupuk sifat sabar ketika mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT. Rentetan itu, sifat sabar juga mampu menghindari segala perbuatan maksiat yang dilarang-Nya (Muhammad Nubli 2007). Hakikat sifat sabar itu merupakan suatu kurikulum amali yang mampu menyelesaikan masalah yang melibatkan ketirisan persekitaran (Sukino 2018).

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Satu pergaduhan yang terjadi antara dua jiran berakhir tragedi apabila seorang daripadanya maut dipercayai ditetak di perkarangan sebuah rumah di Jalan Sitiawan-Beruas, Beruas, di daerah Manjung. Kejadian jam 5 petang yang berlaku itu melibatkan mangsa berusia lingkungan 40-an yang telah ditetak dengan parang di kepala dan kaki oleh jirannya iaitu lelaki berusia. Harian Metro (Noor Hidayah Tanzizi 2021) mengulas mengenai kejadian yang berlaku dipercayai bermula dengan pergaduhan antara dua lelaki berkenaan yang berjiran. Rentetan itu, isu tanaman dan masalah meletakkan kenderaan menyebabkan sekumpulan jiran bergaduh dalam kejadian di sebuah taman perumahan di Seksyen 24 di Shah Alam. Peristiwa yang berlaku mendapati kejadian mencetuskan insiden pertengkaran dan pergaduhan sebagaimana dinukilkan dalam Kosmo (Mohamad Naufal Mohamad Idris 2021) bertarikh 12 Jun 2021. Oleh itu, sabar juga dikaitkan dengan

orang yang ditimpa mehnah dan dugaan. Setiap orang tidak sama nikmat, ujian dan cabaran dalam menjalani kehidupan yang tidak konsisten dan bukan statik. Malahan, interpretasi sabar dalam perbuatan memerlukan adalah kekuatan jiwa manusia berhadapan dengan persekitaran manusia (Muaziroh, U. & Sholiha, Z.A 2018).

Sehubungan dengan itu, Berita Harian (Omar Ahmad 2021) menceritakan kejadian seorang lelaki mendapat kedukaan berganda apabila dia yang pulang dari Kuala Lumpur untuk menziarahi bapanya yang ditinggalkan telah meninggal dunia. Mangsa yang bernama Ahmad Nadzir Sabtu, 50, cedera ditikam di perut ketika cuba meleraikan pergaduhan antara jirannya dalam kejadian yang berlaku pada jam 1.15 tengah hari di kediaman bapanya di Permas Jaya. Ketika pergelutan itu berlaku, beliau sedang mengemas rumah dan terdengar jiran ‘berperang mulut’ sambil memasak di belakang rumah sehingga memaksa dirinya untuk meleraikan pergaduhan jirannya. Tidak dilupakan satu kejadian yang direkodkan dalam Utusan Malaysia (Iskandar Shah Mohamed 2022) mengenai kes pergaduhan yang hampir berlaku tular antara dua individu yang juga merupakan jiran tetangga di sekitar Bandar Sultan Suleiman. Peristiwa itu diselesaikan dengan cara baik. Kejadian itu melibatkan jiran dua lelaki tempatan yang berselisihan faham disebabkan bola yang jatuh di bumbung rumah salah seorang daripada mereka. Justeru, mereka bersetuju menyelesaikan perselisihan faham itu dengan cara baik sehingga kes tersebut diklasifikasikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (TTL). Rentetan itu, manusia merupakan makhluk sosial yang saling berhubungan antara satu sama lain. Dalam konteks pergaulan, manusia sering dihujani hal-hal yang tidak menyenangkan dan menyenggung perasaan, menunjukkan dengan riak wajah ketidaksenangan dan menyakiti sama ada dengan lisan maupun secara body shaming (Zulhammi 2016).

Menurut Ernadewita dan Rosdielina (2019) sabar merupakan terapi minda yang yang boleh menenangkan suasana menjadi harmoni dan

mewujudkan perbuatan dan pemikiran seseorang tenang dalam menjalankan aktiviti harian. Sifat sabar merupakan kemuncak seseorang hamba dalam merealisasikan ketaatan kepada Tuhan. Sifat sabar juga adalah sifat paling agung yang mudah diungkap tetapi sukar dalam pengalamannya. Hal ini bertepatan sebagaimana kenyataan yang diulas oleh Abu al-'Abbas Ahmed bin Abdul Halim (Al-Mazyad 2012) tentang sifat sabar menjadi benteng keyakinan yang kukuh dalam menghadapi persekitaran kehidupan yang penuh ranjau. Rumusannya, Sabar merupakan konsep yang dikategorikan dalam pengamalan Islam seperti penghargaan (*gratitude*) dan kemaafan (*forgiveness*) (Subandi 2011).

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi dalam artikel ini mengoreksi beberapa sumber primer dan sekunder. Kaedah yang digunakan dalam artikel ini menggunakan deduktif dan tematik. Hasil kajian artikel ini mendapati pembangunan moral insan khususnya sifat sabar menjadi satu kewajaran dalam rutin masyarakat di samping menyingkap hadis-hadis Nabi SAW yang terpilih berdasarkan elemen-elemen komuniti kejiraninan. Komponen sifat sabar perlu diperaktikkan dalam urusan yang melibatkan harian. Artikel ini memaparkan hadis-hadis berkaitan jiran dan relevansinya sifat sabar dalam persekitaran hidup bermasyarakat secara praktikal. Oleh itu, artikel ini juga membincangkan cara implementasi komuniti kejiraninan dalam hidup bersosial berpandukan pendekatan nabawi. Instrumen artikel ini menggunakan sorotan literatur dengan menganalisis kandungan terhadap sumber primer dan sekunder seperti tafsiran al-Quran, hadis dan kitab syarah, jurnal, buku, akhbar dan kertas kerja prosiding bagi membolehkan penulis memperoleh input bagi menyokong dapatan dan hasil.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### IMPLIKASI TIDAK MEMUPUK SIFAT SABAR DALAM PERILAKU

Marah merupakan satu sikap dari emosi yang tercela dan dorongan marah yang timbul dalam diri manusia disebut sebagai *human aggressive* (Abd Jalil Borham 2007). Justeru, sikap marah ini kebiasaan muncul apabila sesuatu terjadi di luar dugaan tanpa sedar. Sifat marah dimiliki oleh setiap emosi dalam diri manusia yang bersifat *survival* dan timbul ketika ada gangguan

malahan serangan persekitaran yang menyentuh perihal berkaitan diri dan seangkatannya (Supyan Hadi 2018). Dorongan sifat marah boleh membuat disebabkan dua faktor. Pertama, faktor *internal*, iaitu perasaan yang diganggu ketika di dalam kesibukan hal-hal harian sehingga membangkitkan sifat kemarahan. Manakala, kedua ialah faktor *external*, iaitu ancaman atau provokasi dari luar. Kedua-dua faktor ini boleh mengakibatkan individu yang tidak bijak mengurus kendiri boleh menyebabkan keadaan sekitar akan berlaku pergeseran yang tidak dijangka penyudahannya (Nur Yani Che Hussin 2020).

Ekspresi marah seseorang itu bergantung dari sudut pengendalian marah yang dikawal oleh individu tersebut. Menzahirkan sifat amarah tersebut dengan cara memaki, memukul, atau merosak barang seseorang menjadikan emosi seseorang itu negatif. Justeru, sabar juga menjadi psikoterapi pemulihan segala perilaku yang agresif (Abur Hamdi Usman et al 2020). Satu kajian dari *Harvard School of Public Health* menyatakan pengurusan marah paling penting dikendalikan adalah golongan muda. Penemuan menunjukkan bahawa kumpulan belia yang menghadapi masalah cenderung menzahirkan sikap marah bakal menghadapi risiko yang lebih parah untuk hubungan interpersonal yang terjejas (al-Munajjid 2014). Menurut Yusuf et al (2018) mengenai ketidakstabilan kesihatan mereka yang berisiko mudah menghadapi masalah jika kecenderungan sifat marah menjadi kelaziman dalam diri malah menghasilkan personaliti yang negatif. Oleh yang demikian, seseorang yang mengekspresikan marah secara senyap tidak akan mengungkap malah memendam perasaan boleh menjadi punca pembuluh darah di otaknya pecah sekali gus menjadi salah satu faktor seseorang boleh terkena penyakit strok selain daripada punca pemakanan (World Health Organization 2003). Islam amat menitikberatkan penjagaan diri sama ada dalaman maupun luaran. Tambahan pula, sifat marah ini sebenarnya datang dari Syaitan. Ibn Qayyim al-Jauziyah (2019) pernah mengungkap satu kenyataan:

ثَلَاثَةُ أَبْوَابٍ يَدْخُلُ مِنْهَا الشَّيْطَانُ عَلَى الْعَذَابِ: أَحَدُهُمَا: الْغَفْلَةُ، وَالثَّانِي: الشَّهْوَةُ، وَالثَّالِثُ: الْعَصَبَةُ

Maksudnya:

Tiga pintu perbuatan yang membolehkan syaitan menyusur masuk dalam diri manusia. Pertama, kelalaian. Kedua, nafsu syahwat. Ketiga, marah.

Rentetan itu, memupuk nilai sabar seharusnya dipertingkatkan usaha pengamalannya dalam diri muslim yang bertamadun supaya dapat menjauhi sifat

pemarah sebagaimana dituntut agama. Abu Hurairah RA merakamkan sebuah hadis berdasarkan pesanan Rasulullah SAW:

لَا تَغْضِبُ، فَرَدَّ مِزَارًا، قَالَ: لَا تَغْضِبُ

Maksudnya:

Jangan marah. Kemudian, dia bertanya hal yang sama beberapa kali. Lantas, baginda bersabda: Jangan marah. [Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab al-Hadhar min al-Ghadab, no hadis 6116]

Menurut al-Baji al-Andalusi (1913) hadis ini menyebut bahawa tegahan ini hadir kerana marah banyak merosakkan agama sehingga perlakuan tersebut mendorong kepada perbuatan menyakiti dan disakiti. Justeru, apabila seseorang itu marah, kebiasaannya akan terzahir dosa pada perbuatan mahupun percakapannya malah boleh melibatkan orang lain turut berdosa. Namun begitu, marah yang ditegah dalam hadis ini bukanlah perasaan marah itu sendiri kerana perasaan marah itu adalah suatu perkara yang lahiriah dalam diri setiap manusia dan menghilangkannya adalah suatu perkara yang mustahil. Tegahan marah yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah tegahan dan suruhan Nabi SAW untuk menjauhi sebab-sebab yang boleh mendatangkan kemarahan kerana ianya berada dalam kawalan manusia. Hal ini juga turut disokong al-Khattabi (1988) dalam syarahannya ke atas Sahih al-Bukhari.

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001) sabar menerima sesuatu yang telah ditakdirkan mendatangkan ketenangan diri dan pahala. Damayanti Wardyaningrum (2013) iaitu kesabaran membawaikan ganjaran pahala sebagaimana dijelaskan dalam agama. Hal ini juga ditekankan oleh al-Qaradawi (2013) mengenai sifat sabar banyak diceritakan di dalam al-Quran malah penceritaan tersebut menyuntik semangat umat agar mengambil pengajaran tentang peristiwa yang berlaku pada umat dan nabi-nabi terdahulu melalui sentuhan wahyu. Rentetan itu, sifat sabar sememangnya menzahirkan keharmonian dan kestabilan perhubungan dua hala di samping mengimplementasikan elemen-elemen mahmudah dalam diri (Miskahuddin 2020). Sifat sabar juga mempamerkan identiti seseorang untuk menahan emosi daripada mendorong melakukan kesilapan malah menghindarkan kemungkar yang dipandang hina oleh agama Islam (Mutaqin, M. Z 2022).


#### MENYELAMI NILAI-NILAI PENGKISAHAN JIRAN DALAM TEKSTUAL HADIS

Ketamadunan sesebuah masyarakat bermula daripada aspek pembangunan luaran dan dalaman manusia yang seimbang (Al-Qaradawi 1998). Pembangunan ini sememangnya telah menjadi perkara tunjang dalam pelbagai aspek yang perlu dititikberatkan sebagaimana penjelasan Ibn Khaldun dan Ibn Sina berkenaan pembangunan moral dengan unsur-unsur kerohanian perlu seiring dengan pembangunan metarialistik (Subandi 2011). Oleh itu, antara pembangunan jiwa yang boleh membantu pembangunan sesebuah institusi ialah penerapan sifat sabar dalam moral komuniti (Wan Suhaimi 2013). Sabar banyak dicoretkan di dalam lembaran al-Quran dan hadis-hadis baginda Nabi SAW. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Suhaib bin Sinan al-Rumi RA di dalam Sahih Muslim di dalam topik perbahasan al-Zuhd wa al-Raqa'iq, no. hadis 2999. Nabi SAW bersabda yang membawa maksud:

*“Amat menakjubkan urusan seorang mukmin kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada seorang mukmin (yang sempurna keimanannya).”*

Jika dia mendapat sesuatu yang menggembirakan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya.

Menurut Miskahuddin (2020) sabar membawa maksud menahan diri daripada keterlanjuran lisan daripada keluhan dan anggota badan daripada melakukan perkara-perkara yang dibenci oleh Allah SWT. Antara amalan yang dicela agama seperti mengherdik, melontarkan kata-kata yang kesat, menimbulkan pertengkaran sesama insan adalah suatu perkara yang ditegah. Mohd Nazeli Ahmad (2009) mengukuhkan lagi pendapat bahawa bertoleransi, berhemah dan berbincang dengan menggunakan pendekatan bahasa yang sopan termasuk berfikir sebelum bertindak merupakan perkara-perkara mustahab di sisi syarak. Antara coretan peristiwa sifat sabar yang melibatkan komuniti jiran di dalam kenyataan hadis Nabi SAW ialah:



RAJAH 1. Nilai pengkisahan jiran dalam tekstual hadis

### 1. Penjagaan Lidah Dalam Komuniti Berjiran

Daripada Abi Hurayrah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ فُلَانَةً يُذْكَرُ مِنْ كَثْرَةِ صَلَاتِهَا، وَصِيَامِهَا، وَصَدَقَتِهَا، عَيْرُ أَنَّهَا تُؤْذِي جِيرَانَهَا بِلِسَانِهَا، قَالَ: هِيَ فِي النَّارِ. قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَإِنَّ فُلَانَةً يُذْكَرُ مِنْ قَلْةِ صِيَامِهَا، وَصَدَقَتِهَا، وَصَلَاتِهَا، وَإِنَّهَا تَصَدِّقُ بِالْأَنْوَارِ مِنَ الْأَفْطِ، وَلَا تُؤْذِي جِيرَانَهَا بِلِسَانِهَا، قَالَ: هِيَ فِي الجَنَّةِ

Maksudnya:

Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya wanita ini terkenal dengan amalan banyaknya solat, berpuasa dan bersedekah, akan tetapi dia sentiasa menyakiti jirannya dengan lidahnya. Maka Nabi SAW bersabda: Dia akan masuk ke dalam neraka. Lelaki tersebut berkata lagi: Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya wanita ini terkenal dengan sedikitnya puasanya, sedekahnya, solatnya dan dia hanya bersedekah dengan sepotong keju, akan tetapi dia tidak menyakiti jirannya dengan lidahnya. Maka Nabi SAW bersabda: Dia akan masuk ke dalam syurga.

[Ahmad bin Hanbal. 2009. Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, Musnad Abi Hurairah Radhi Allah ‘anh, no hadis 9675. Hukum hadis: Hasan]

Menurut Mulla Ali al-Qari (2001) hadis ini menyebut perihal wanita yang dikaitkan dengan lidahnya. Hal tersebut dinyatakan kerana kebanyakan perkara disakiti dengan lisan dan lisanlah paling banyak menyakiti insan. Tambahan lagi, beliau menjelaskan bahawa individu yang dimaksudkan itu melakukan perkara-perkara sunat yang harus

ditinggalkan seterusnya dia melakukan perkara-perkara yang jelas diharamkan oleh syarak.

### 2. Tuntutan Memuliakan Jiran

Sebuah riwayat daripada Umar RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ، حَتَّىٰ طَنَّتِ اَنَّهُ سَيُورَثُهُ

Maksudnya:

Jibril sentiasa memberi wasiat kepada aku (untuk berbuat baik) kepada jiran tetangga, sehingga aku menyangka bahawa mereka menjadi pewaris harta.

[Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab al-Wasah bil Jar, no hadis 6015]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001) Jibril menyampaikan perintah daripada Allah SWT untuk menjadikan jiran sebagai waris yang boleh didefinisikan dengan dua takrifan sama ada menjadikan jiran sebagai orang yang menerima harta seperti kaum kerabat yang lain. Kedua, menyantuni jiran dan menjaga hubungan persaudaraan. Ibn Abi Jamrah (Ibn Hajar al-Asqalani 2001) menjelaskan bahawa ‘mirath maknawi’ membawa erti menunaikan hak-hak jiran dari sudut keilmuan. Al-Qadi Iyyad (1998) juga berpandangan mengenai hadis yang dibincangkan bahawa sesiapa yang berlitzam dengan syariat Islam, hendaklah dia berlaku baik dan memuliakan jirannya.

### 3. Memelihara Keharmonian Jiran

Rasulullah SAW amat menekankan tentang ketenteraman jiran, sebagaimana sabda Nabi SAW daripada riwayat Abi Syuraih RA:

وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ، وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ، وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ؟ قَيْلَ: وَمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟  
قَالَ: الَّذِي لَا يَأْمُنُ جَارًٌ بَوَابَةً

Maksudnya:

Demi Allah, tidak beriman, demi Allah, tidak beriman, demi Allah, tidak beriman. Dikatakan: Siapakah wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Orang yang membuat jiranmu merasa tidak aman daripada gangguannya.

[Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab ithm man la ya'man Jaruh Bawa'iqah, no hadis 6016]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001), ‘bawaiqah’ membawa erti kerosakan, keburukan dan kehancuran. Perselisihan itu perkara biasa yang berlaku dalam komuniti, bahkan lebih indah tanpa disulami dengan emosi. Hal ini pernah dijelaskan sebagaimana sikap sabar dan toleransi yang ditunjukkan oleh Imam al-Syafi'e yang pernah berselisih pandangan dengan anak muridnya iaitu Yunus al-Sadafi, yang mana sang imam telah mengungkapkan sebuah kata-kata yang menzahirkan kebesaran hati yang beliau miliki apabila berselisih pandangan, kata beliau kepada anak muridnya itu:

أَلَا يَسْتَقِيمُ أَنْ تَكُونَ إِخْرَانًا وَإِنْ لَمْ تَنْقِنْ فِي مَسْأَلَةٍ

Maksudnya:

Alangkah indahnya sekiranya kita kekal bersaudara walaupun kita tidak bersama dalam isu ini (Al-Qaradawi 1998).

Mutiara hikmah yang diungkapkan oleh al-Syafi'e ini tidak akan dapat diucapkan tanpa memiliki tahap kesabaran yang tinggi.

### 4. Menghindari Jiran Yang Buruk Moralnya

Daripada Abi Hurayrah RA berkata, baginda Nabi SAW bersabda:

تَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ جَارِ السُّوءِ فِي دَارِ الْمَقَامِ، فَإِنَّ جَارَ الْبَادِيَةِ  
يَتَحَوَّلُ عَنْكَ

Maksudnya:

Mintalah perlindungan Allah daripada jiran yang buruk di tempat tinggal, kerana jiran badwi berpindah meninggalkan kamu (ke daerah lain).

[Al-Nasa'i. 1999. Sunan al-Nasaie, Kitab al-Isti'adhab, Bab al-Isti'adhab min Jar al-Sau, no hadis 5502. Hukum hadis: Hasan Sahih]

Menurut Mohamad Nasir al-Din al-Albani (1994) di dalam kitab Syarah Sahih al-Adab al-Mufrad menyebut Nabi SAW telah memohon perlindungan Allah SWT daripada jiran yang buruk di tempat tinggal kerana keburukannya adalah berterusan dan kesakitan daripadanya tidak terlepas. Oleh kerana itu, Nabi SAW menyebut jiran badwi itu berpindah disebabkan kerana tempohnya adalah lebih singkat dan kita masih boleh bertahan. Kemudaratannya tidaklah sebesar jiran yang tinggal bersama kita. Oleh yang demikian, jiran yang dimaksudkan ialah mereka yang tinggal satu kawasan dengan kediaman kita termasuklah pasangan, khadam dan kawan karib.

## RELEVANSI SABAR DALAM KOMUNITI KEJIRANAN

Islam amat menitikberatkan aspek kekeluargaan bahkan mengiktiraf institusi keluarga sebagai tunjang utama dan permulaan dalam pembentukan masyarakat dan komuniti setempat (Nooh Gadot 2013). Hal ini jelas kerana sifat sabar menzahirkan personaliti yang positif bahkan mempamerkan contoh teladan yang baik terhadap persekitaran terutama orang yang paling hampir (Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanin Hamjah 2018). Rentetan itu, institusi kejiranan diumpamakan batuan binaan yang lebih besar diterjemahkan dalam komuniti supaya perkara tersebut memperkuuhkan atas hubungan sesama masyarakat agar tidak rapuh dalam meneruskan legasi hidup bersosial (Sukino 2018). Justeru, antara sifat yang payah pengamalannya seumpama sabar sebenarnya mewujudkan kekuatan bagi individu dan masyarakat amnya mendorong ke arah yang lebih efektif dalam melakukan sebarang perbuatan yang melibatkan orang sekeliling. Oleh itu, sifat sabar juga mampu memotivasi diri termasuk mengekang perlakuan yang berorientasikan nafsu (Nozira Salleh et al 2022). Memupuk sifat sabar seseorang khususnya memerlukan penerapan jati diri individu berpandukan akhlak dan nilai-nilai murni dalam Islam yang dizahirkan (Abd Aziz Yusof 2012). Justeru, persekitaran institusi komuniti berperanan dalam membentuk karakter seseorang itu terkesan sehingga boleh mempengaruhi tingkah laku orang di sekeliling mereka (Hybels S & Weaver R 1992).



RAJAH 2. Pendekatan Sabar Dalam Komuniti Kejiranan

### 5. Sabar Dipupuk Dari Usia Kecil

Daripada Anas bin Malik RA berkata: Baginda Nabi SAW melalui dihadapan seorang wanita yang sedang menangisi di kubur. Maka, baginda Nabi SAW bersabda:

اَنْتُمُ الَّذِينَ وَاصْبَرْتُمْ

Maksudnya:  
Bertakwalah kepada Allah dan bersabarlah.

Lantas, wanita itu berkata: Pergilah kamu menjauhi aku, sesungguhnya engkau tidak ditimpakan ujian sebagaimana aku ditimpakan musibah sedangkan engkau tidak tahu. Maka, wanita tersebut mendatangi pintu rumah Nabi SAW dan dia tidak mendapatkan penjaga-penjaga pintu. Lalu, wanita itu berkata: Sesungguhnya aku tidak mengenali engkau. Baginda Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الصَّابَرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى

Maksudnya:  
Sesungguhnya kesabaran itu ada pada kejutan yang pertama.

[Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, Bab Ziyarah al-Qubur, no hadis 1283]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001) apabila berjaya masuknya ketetapan hati bagi menggantikan perkara-perkara duka yang mengejutkan lagi menghujam jiwa, maka itulah kesabaran yang sempurna, lagi melayakkan mendapat pahala yang istimewa. Hal ini juga pernah dibuktikan dalam beberapa kajian dalam bidang psikologi dan antara

yang paling masyhur adalah eksperimen yang pernah dijalankan oleh Albert Bandura pada tahun 1961 yang dinamakan sebagai ‘Eksperimen Patung Bobo’ (Lester D.C & Alice V.B.C 1965). Eksperimen ini telah dijalankan bagi mengkaji hubungan antara keganasan dan kesannya kepada perangai dan perwatakan kanak-kanak. Albert Bandura berpandangan bahawa pembelajaran itu terhasil menerusi pemerhatian dan interaksi antara satu sama lain. Menurut sudut yang lain, manusia belajar dengan cara menonton dan meniru sesuatu perbuatan (Adam J.F 1976).

Hasil yang dicapai daripada eksperimen ini telah membenarkan teori Albert Bandura yang mana eksperimen ini menunjukkan kanak-kanak yang didebakkan kepada model agresif cenderung untuk meniru gaya model tersebut walaupun ketika ketiadaan model (Brommel Bernard J & Galvin Kathleen M 1986). Sehubungan dengan itu, dapat kita simpulkan bahawa persekitaran dan keadaan sekeliling memainkan peranan yang besar dalam membentuk karakter dan peribadi seseorang individu termasuk tingkah laku dan perbuatan (Faizatul Najihah Mohd Azama dan Faudzinaim Badaruddin 2014).

### 6. Sabar Dalam Interaksi Sosial

Pergeseran yang berlaku dalam persekitaran kejiranan tidak dapat dinafikan kerana lumrah hidup pelbagai peringkat dalam komuniti (Sukino 2018). Fenomena yang melibatkan institusi kejiranan sewajarnya memupuk sifat-sifat mahmudah seperti menyemai sifat sabar, reda dan berkata baik dalam membudayakannya dalam sosial kejiranan sama ada perilaku maupun tutur kata (Ku Zaimah Che

Ali & Mardzelah Makhsin 2019). Oleh demikian, sabar perlu diterap dalam elemen kendiri membantu menyemai keharmonian dalam urusan harian kerja untuk dicapai. Bahkan, sabar adalah menahan diri daripada sifat kegundahan emosi seseorang. Malahan, menahan lisan dari keluh kesah serta menahan perbuatan seseorang agar emosi dipandu dengan tenang (Raihanah 2016). Pendekatan sabar dalam perselisihan pendapat itu perlu diimplementasikan apabila suatu perkara seperti pertengkaran dan perbalahan berlaku dan tidak dapat dielakkan (Mutaqin, M. Z 2022).

Nilai akhlak dan sikap yang dituntut agama dalam mendepani masyarakat lebih-lebih lagi dalam perkara yang membabitkan komuniti menjadi asam garam dalam kehidupan bermasyarakat (Wan Suhaimi 2013). Sebagaimana perkara tersebut diceritakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dalam Surah al-Hujurat, ayat 4 dan 5 yang bermaksud:

Sesungguhnya orang yang memanggil engkau (Muhammad) dari luar kamar (kamu), kebanyakannya mereka tidak mengerti. Dan, sekiranya mereka bersabar sampai engkau keluar menemui mereka, tentu akan lebih baik bagi mereka. Dan, Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Menurut Ibn Kathir (1997), Allah mencela tindakan orang yang memanggil Nabi SAW dari luar Hujurat iaitu rumah yang dihuni oleh isteri-isteri baginda Nabi SAW seperti kebiasaan yang dilakukan oleh orang Arab yang kasar. Jika ayat sebelumnya menekankan tentang kebaikan yang diraih oleh mereka yang merendahkan suaranya dihadapan Nabi SAW kerana sifat hormat kepada baginda. Maka, ayat di atas mengecam mereka yang mengeraskan suaranya dihadapan baginda Nabi SAW. Senada dengan pandangan al-Tabari bahawa Allah memerintahkan agar mereka menghormati dan memuliakan Nabi SAW. Melalui ayat di atas bukanlah bererti bahawa hanya kepada Nabi SAW orang-orang diperintahkan untuk menghormati dan menghargai baginda, walhal setiap insan harus saling menghargai dan menghormati antara satu sama lain terutamnya melibatkan hal kejiraninan. Justeru, hubungan persekitaran yang melibatkan komuniti berjiran perlu mempraktikkan sifat yang baik di samping memelihara ketenteraman dalam kalangan komuniti (Al-Mazyad 2012). Benarlah sebuah riwayat daripada Abi Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيَقْرَأْ خَيْرًا، أَوْ لِيَصُنْتَ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُكْرِمْ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُكْرِمْ ضَيْفَهُ

Maksudnya:

Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka berkata-katalah dengan perkataan yang baik atau lebih baik diam sahaja, dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka muliakanlah jirannya, dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka muliakanlah tetamunya.

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab man kan yu'min billah wa al-youm al-Aakhir fala yu'dhi jarah, no hadis 6018]

Menurut al-Munawi (1972), perkara yang disebut Nabi SAW merupakan tuntutan yang membabitkan urusan agama. Kenyataan baginda Nabi SAW mengapitkan jiran dan tetamu amat besar isu apabila kedudukan dan hak dikaitkan dengan perihal kepada Allah SWT dan hari akhirat. Oleh itu, pendekatan sabar dalam menterjemahkan komuniti wajar diketengahkan bahkan relevan untuk diamalkan setiap orang. Pembangunan moral seiring menghidupkan keharmonian masyarakat dalam mendepani komuniti pelbagai institusi. Oleh itu, kerelevan sifat-sifat mahmudah seperti reda, syukur, menjaga lidah bahkan sabar mampu menyemai komuniti yang dinamik dalam menjalani kehidupan bermasyarakat (Abu Dzar Ahmad 2019). Hal ini kerana sikap sabar dapat membangunkan mental yang optimal dalam menghadapi pelbagai kondisi kehidupan supaya dapat memberi kekuatan diri individu dan masyarakat menghadapinya (Ernadewita & Rosdialena 2019).

Hal ini merumuskan bahawa penjagaan lidah, memuliakan jiran, memelihara keharmonian dan menghindari jiran yang buruk moralnya menyentuh aspek kesantunan dan kehalusan dalam penggunaan bahasa serta perlakuan. Rentetan itu, membudayakan bicara yang didasari kesantunan dalam berinteraksi dapat menghindarkan kegusaran dan kemarahan di samping menjaga tatasusila dalam menerapkan pembangunan moral dalam komuniti kejiraninan (Wan Siti Fatimatul Akmal Wan Hassan & Suhaila Zailani @ Ahmad 2019).

## KESIMPULAN

Sabar merupakan kemuliaan akhlak yang diterjemahkan dalam diri manusia. Sifat sabar juga

merupakan praktikal yang mencabar jiwa dan tekanan persekitaran terutama melibatkan komuniti kejiraninan. Orang yang memiliki sifat sabar ialah individu yang sentiasa tenang, tenteram dan harmoni dalam setiap perkara yang dilakukan. Selain daripada menahan diri terhadap bencana dan ujian yang menimpa, sabar juga mampu menyemai ketabahan yang utuh dalam jiwa bermasyarakat. Seseorang yang memiliki sifat sabar dalam tutur kata dan tingkah laku sebenarnya boleh memberi implikasi yang positif dalam keputusan yang diambil. Pengamalan sifat sabar dalam tingkah laku dan percakapan mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri dan komuniti hidup berjiran. Secara tuntasnya yang dapat disimpulkan mengenai sifat sabar ialah hasil implementasi sifat tersebut apabila dipupuk, diterap dan diamalkan apa jua keadaan bakal memaparkan moral yang berintegriti dalam diri melalui sifat-sifat mahmudah yang seadanya.

#### PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) atas pembiayaan geran penyelidikan dalam (Kod RUG-KUIPSAS-2020-09).

#### SUMBANGAN PENGARANG

Membina konsep, Abu Dzar Ahmad, Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad, Mohd Arif Nazri; metodologi, Abu Dzar Ahmad, Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi, Muhammad Razif Ahmad; hasil kajian dan perbincangan. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan isi kandungan manuskrip.

#### RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 1983. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Cet. Ke 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abd Aziz Yusof. 2012. *Pembangunan Holistik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Abd Jalil Borham. 2007. *Asas Pembangunan Modal Insan*. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Abu Dzar Ahmad. 2019. Kerelevenan Uslub Nabi SAW Dalam Komunikasi Masyarakat Masa Kini. *Al-Sirat* 18: 185-199.
- Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Syarul Azman Shaharuddin, Nor Saleha Mohd Sallah, Mohd Norzi Nasir & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin. 2020. Maqam sabar dalam psikoterapi pemulihan pedofilia: Kajian terhadap Qut al-Qulub Syeikh Abu Talib al-Makki (W. 996 M). *Al-Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues* 5(1): 293-301.
- Adam, J. F. 1976. *Understanding Adolescence*. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Ahmad bin Hanbal. 2009. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Penilai: Ahmad Ma'bad Abd al-Karim. Sa'udi: Dar al-Minhaj.
- Brommel, Bernard J & Galvin, Kathleen M. 1986. *Family Communication, Cohesion and Change*. USA: Foresman & Company.
- Al-Baji al-Andalusi. 1913. *Al-Muntaqa Syarh al-Muwatta*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2004. *Sahih al-Bukhari*. Penyusun: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. Al-Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1994. *Syarh Sahih al-Adab al-Mufrad*. Penilai: Mohamed Nasir al-Din al-Albani. Al-Qahirah: Maktabah Dar al-Hadis.
- Damayanti Wardyaningrum. 2013. Komunikasi untuk penyelesaian konflik dalam keluarga: Orientasi percakapan dan orientasi kepatuhan. *Jurnal Al-Azhar* 2(1).
- Ernadewita & Rosdialena. 2019. Sabar sebagai terapi kesehatan. *Jurnal Kajian dan Pengembangan Umat* 3(1): 45-65.
- Faizatul Najihah Mohd Azama & Faudzinain Badaruddin. 2016. Nilai-nilai pembangunan modal insan menurut Al-Ghazali. *International Journal of Islamic and Civilization Studies* 3(1): 11-27.
- Ibn Hajar Al-Asqalani. 2001. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Penyemak: Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad. Arab Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan bin Abd al-Aziz Aal Sa'ud.
- Ibn Kathir, Ismail bin Kathir. 1997. *Tafsir al-Qur'an al-Adhim*. Penilai: Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyad: Dar Tayibah li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ibn Qayyim Al-Jauziyah. 2019. *Al-Wabil al-Sayyib wa Rafi' al-Kalim al-Tayyib*. Penyemak: Abd al-Rahman Hasan Qaid. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Iskandar Shah Mohamad. (2022, Mac 03). Kes jiran bergaduh kerana bola selesai cara baik, *Utusan Malaysia*. Retrieve from <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/kes-jiran-bergaduh-kerana-bola-selesai-cara-baik/>
- Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanin Hamjah. 2022. Personaliti bapa menurut perspektif Islam dan aplikasinya dalam keluarga. *Islamiyyat : The International Journal of Islamic Studies* 40(1): 61-69.
- Hybels, S. & Weaver, R. 1992. *Communicating Effectively*. New York: McGraw-Hill.
- Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin. 2019. Kesantunan bahasa: Definisi dan bahasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 2(1): 81-101.
- Lester, D. C. & Alice, V. B. C. 1965. *Adolescent Development and Adjustment*. New York: Mc Graw-Hill.
- Miskahuddin. 2020. Konsep sabar dalam perspektif al-Quran. *Jurnal Ilmiah Al-Mua'shirah* 17(2): 196-207.
- Mutaqin, M. Z. 2022. Konsep sabar dalam belajar dan implikasinya terhadap pendidikan Islam. *Journal of Islamic Education: The Teacher of Civilazation* 3(1): 1-16.
- Mohd Nazeli Ahmad. 2009. *Prinsip-prinsip al-Qur'an*

- tentang Kesantunan Bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Mohamad Naufal Mohamad Idris. (2021, Jun 12). Jiran gaduh sebab tanaman parkir kenderaan, *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2021/06/12/jiran-gaduh-sebab-tanaman-parkir-kenderaan/>
- Muhammad Nubli. 2007. *Proses Pembangunan Modal Insan dalam Modal Insan, Konsep, Aplikasi & Isu-Isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerksaan Tamadun Islam*. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Mohd Yusuf Ismail & Syed Najihuddin Syed Hassan. 2011. Pendekatan Nabawi dalam membentuk remaja Muslim sejati. *Jurnal Hadith* (Edisi Tahun Akhir) 2 : 31-45.
- Mulla Ali Al-Qari. 2001. *Mirqah al-Mafatih Syarh Misyakah al-Masabih*. 2001. Penilai: Jamal al-Aytain. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Muaziroh, U. & Sholiha, Z.A. 2018. Aktualisasi Konsep Sabar Dalam Perspektif Al-Quran (studi terhadap kisah Nabi Ayyub). *Jurnal Al-Tibyan* 3(2): 199-216.
- Al-Mazyad, A. U. 2012. *Penjelasan Tuntas Tentang Sabar dan Syukur sebagai Jalan Untuk Meraih Kebahagiaan*. Jawa Barat: Darul Haq.
- Al-Munajjid, Muhammad Salih. 2014. *Kaedah Rasulullah SAW Menegur Kesilapan*. Terj: Nor Aini Ismail. Petaling Jaya: Dakwah Corner Publications Sdn. Bhd.
- Al-Munawi, Mohamad Abdul Rauf. 1972. *Faid al-Qadir Syarh al-Jami' al-Munawi*. Beirut-Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Nooh Gadot. 2013. Kertas Kerja: Masyarakat, Pendidikan dan Pembentukan Keluarga Islam Berkualiti. JAKIM: Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2013.
- Noor Hidayah Tanzizi. (2021, Ogos 10). Maut Ditetak Selepas Bergaduh Dengan Jiran. Harian Metro. Retrieve from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/741008/maut-ditetak-selepas-bergaduh-dengan-jiran>
- Nozira Salleh, Indriaty Ismail & Sharifah Ismail. 2022. Konsep sabar menurut imam Al-Ghazali (1058-1111 M) & relevansinya dalam mendepani covid-19. *Islamiyyat : The International Journal of Islamic Studies* 44 (Issu Khas 2022): 53-60.
- Nur Yani Che Hussin. 2020. Tafakkur sebagai intervensi psikoterapi dalam menghadapi tekanan emosi di tempat kerja. *Jurnal Al-Haady Fakulti Pengajian Islam KUIPSAS* 1: 28-33.
- Al-Nasa'i, Abdul Rahman bin Syu'aib. 1998. *Sahih Sunan al-Nasa'i*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Saudi: Maktabah al-Macarif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Omar Ahmad. 2021, Julai 2021). Lelaki Ditikam ketika Lerai Pergaduhan Jiran. Berita Harian. Retrieve from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/07/841429/lelaki-ditikam-ketika-lerai-pergaduhan-jiran>
- Al-Qadi Iyyad. 1998. *Syarh Sahih Muslim li Qadi Iyyad al-Musamma Ikmal al-Mu'allim bi Fawa'id Muslim*. Penilai: Yahya Isma'il. Mansourah: Dar al-Wafa' li Taba'ah wa al-Nasyr.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abdullah. 1998. *Al-Sunnah Masdarani li Ma'rifah wa al-Hadarah*. Mesir: Dar al-Syuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abdullah. 2013. *Mukjizat Sabar dalam al-Quran*. Kuala Lumur: PTS Publication Darul Furqan Sdn. Bhd.
- Raihanah. 2016. Konsep sabar dalam al-Quran. *Jurnal Madani: Ilmu Pengetahuan, Teknologi dan Humaniora* 6(1): 40-52.
- Rusydi Room. 2013. Konsep kesantunan berbahasa dalam Islam. *Jurnal Adabiyah* XIII : 223-234.
- Sukino. 2018. Konsep sabar dalam al-Quran dan kontekstualisasinya dalam tujuan hidup manusia melalui pendidikan. *Jurnal RUHAMA* 1(1): 63-77.
- Subandi. 2011. Sabar: Sebuah konsep psikologi. *Jurnal Psikologi, Fakultas Psikologi* 38(2): 215-227.
- Supyan Hadi. 2018. Konsep sabar dalam al-Quran. *Jurnal Madani: Ilmu Pengetahuan, Teknologi dan Humaniora* 1(2): 199-216.
- Wan Suhaimi. 2013. *Ibn Sina dan Pembangunan Modul Insan: Analisis Kitab Al-Siyasah*. Kuala Lumpur: Centre for Advanced Studies on Islam Science and Civilization.
- World Health Organization. 2003. Investing Mental Health. doi.org/10.1093/heapro/dar059
- Zulhammi. 2016. Tingkah Laku Sabar Relevansinya Dengan Kesehatan Mental. *Jurnal Darul 'Ilmi* 4(2): 199-216.
- Wan Siti Fatimatul Akmal Wan Hassan & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2019. Strategi dan panduan kesantunan bahasa menurut perspektif Islam. *Islamiyyat* 41(1): 117-124.
- Yusuf, Done Kahfi Ibala & Chaer, M.T. 2018. Sabar dalam perspektif Islam dan barat. *Al-Murabbi: Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman* 4(2): 1-16.